



Mbappe (kiri) memegang Piala Dunia sambil Umtiti mencium trofi berprestij itu selepas menewaskan Croatia, kelmarin.

BH 17/07/2018 ms. 83

Umtiti puas julang Piala Dunia

Moscow: Pemain pertahanan Barcelona, Samuel Umtiti ternyata puas dengan kejayaan Perancis menjulang trofi Piala Dunia selepas menewaskan Croatia 4-2 pada final di Moscow.

Bercakap kepada pemberita selepas perlawanan itu, Umtiti menyatakan bahawa tiada siapa boleh menafikan bahawa skuad kendalian Didier Deschamps itu sememangnya ber-

hak untuk bergelar juara di Russia.

"Kami berhak untuk menang. Kami bermain sangat baik sepanjang kejohanan ini," katanya.

Raikan kejayaan

"Apa yang kami mahu sekarang adalah untuk meraikan kejayaan bersama keluarga dan rakan sepasukan.

"Kami tak akan melupakan

detik istimewa ini. Ini perasaan yang sangat luar biasa. Sekarang masa untuk meraikan kejayaan ini."

Ada pihak yang mempertikaikan kemenangan Perancis susulan keputusan kontroversi jaringan pasukan itu pada final. Gol pertama mereka hadir menerusi sepakan percuma yang kemudian ditanduk masuk Mario Mandzukic ke gawang sendiri.

Bagaimanapun pemain dan penyokong Croatia mungkin merasakan Antoine Griezmann sengaja menjatuhkan badan untuk mendapatkan sepakan percuma itu.

Skuad Les Bleus kemudian mendahului 2-1 selepas dihidahkan sepakan penalti apabila pengadil merujuk kepada VAR mengenai insiden bola terkena tangan Ivan Perisic.

AFP